

# DATA ARKEOLOGI KLASIK LEMBAH BUJANG: SATU TINJAUAN TERHADAP PENINGGALAN RELIKUARI DAN PERIPIH

---

Mohd. Supian Sabtu

## Pengenalan

Relikuari<sup>1</sup> dari pengertian bahasa bermaksud bekas atau wadah untuk meletakkan barang-barang peninggalan orang-orang soleh.<sup>2</sup> Di Jawa, relikuari dikenali sebagai cegu batu ataupun peti batu.<sup>3</sup> Sementara peripih pula merujuk kepada peninggalan atau objek yang diletakkan di dalam relikuari. Sepanjang penyelidikan galian arkeologi di Lembah Bujang bermula tahun 1840-an sejumlah 4 tapak telah ditemui data yang berkaitan dengan relikuari serta peripih yang ditemui bersama-sama dengannya. Secara umum kewujudan relikuari dan peripih mempunyai hubungan dalam konteks pelaksanaan keagamaan. Peranan relikuari dan peripih turut menjadi perbincangan di kalangan para sarjana di dalam membincangkan peranan candi sebagai tujuan pemakaman ataupun untuk tujuan keagamaan, secara tidak langsung apabila membicarakan relikuari dan peripih ianya berkaitan dengan peranan dan fungsinya terhadap candi. Peripih biasanya terdiri daripada kepingan logam dan batu berharga dan dibentuk kepada *image* yang

berkaitan dengan unsur kedewaan dan juga perlambangan unsur-unsur spiritual. Sehubungan dengan hal tersebut perkaitan di antara relikuari, peripih dan candi amat berkaitan di antara satu sama lain. Di dalam kitab klasik, peripih ini dikenali sebagai *garbhapatra* sementara upacara untuk penanamannya dikenali sebagai *garbhadana*.<sup>4</sup>

Peninggalan relikuari dan peripih di Lembah Bujang tidak ditemui pada keseluruhan candi yang telah digaliciari melainkan ditemui hanya di candi tapak 19 (Pengkalan Bujang), candi tapak 8 (Bukit Batu Pahat), candi tapak 17 (Bukit Pendiati) dan candi tapak 16 (Kampung Pendiati). Secara keseluruhannya relikuari di Lembah Bujang terdiri dari tiga material iaitu yang diperbuat daripada batu granit (candi tapak 8 Bukit Batu Pahat dan candi tapak 19 Pengkalan Bujang), kedua, relikuari daripada tanah liat (candi tapak 17 Bukit Pendiati) dan ketiganya relikuari yang diperbuat daripada tembaga (candi tapak 16 Kampung Pendiati). Berdasarkan kepada bentuk relikuari pula dapat dibahagikan kepada empat kategori iaitu relikuari batu granit yang berbentuk persegi empat dengan ukuran besar dengan keadaan temuannya hanya sebelah sahaja. Walau bagaimanapun berdasarkan kepada bentuknya diduga mempunyai persamaan dengan jumpaan relikuari di tapak 8 Bukit Batu Pahat dengan di dalamnya dipahat lubang berjumlah lapan mengelilingi penjuru relikuari sementara bahagian tengah terdapat lubang induk yang saiz lubangnya lebih besar berbanding dengan saiz lubang yang mengelilinginya. Relikuari ini ditemui tanpa sebarang penutup. Kedua, relikuari batu granit berbentuk persegi empat berukuran kecil dengan bahagian dalamnya terdapat lubang berjumlah lapan mengelilingi penjuru relikuari dengan lubang induk di bahagian tengah dan dilengkapi dengan penutup. Ketiga, relikuari tanah liat yang berbentuk wadah tanpa penutup. Keempat, relikuari tembaga yang berbentuk bujur telur dengan penutup. Kesemua relikuari ini ditemui dalam keadaan tertanam di dalam tanah.



Peta 1 : Tapak-tapak temuan relikuari di Lembah Bujang

#### Relikuari Tapak 8 ( Bukit Batu Pahat )




Foto 1 : Relikuari tapak 8 ( Bukit Batu Pahat )

Temuan relikuari di tapak ini telah ditemui buat pertama kali oleh Quaritch Wales yang telah melakukan penyelidikan di antara tahun 1936-1937. Pada tahap ini sejumlah dua relikuari ditemui dan mempunyai bentuk persegi empat dengan sembilan lubang di dalamnya (termasuk bahagian tengah relikuari). Relikuari dengan sembilan lubang ini juga dikenali "*nine-chambered types of reliquary*". Berdasarkan kepada laporan Quaritch Wales kedua-dua relikuari berkenaan tiada peripih di dalamnya dan juga tidak mempunyai penutup. Walau bagaimanapun

data yang dikemukakan oleh Quaritch Wales tidaklah lengkap kerana tidak dinyatakan dengan jelas berhubung kedudukan asal relikuari berkenaan sewaktu ditemui, kaitan dengan rekod stratigrafi tanah dan kaitannya dengan data temuan kapsul perak dengan kandungan *sap-phire* dan *pyrope* yang terdapat kesan penghalusan di mana tiada ukuran jarak diambil antara keberadaan kapsul berkenaan dengan kedudukan relikuari ditemui. Quaritch Wales hanya menyebut relikuari ditemui di anjung struktur candi. Berdasarkan kepada ukuran relikuari yang diambil adalah sekitar 6 3/4" persegi.<sup>5</sup>

Galicari yang menyeluruh telah dilakukan oleh Dr. Alastair Lamb pada tahun 1959-1960 telah menemui enam buah relikuari dengan penutupnya. Dalam laporannya Lamb telah menyangkal material relikuari seperti yang dinyatakan oleh Quaritch Wales berasal daripada kuartza tetapi sebaliknya diperbuat daripada granit. Sementara ukuran relikuari yang diambil oleh Alastair Lamb agak lengkap dengan mengambil kira tinggi x panjang x lebar ( iaitu berukuran 7" x 7" x 7").<sup>6</sup> Lamb juga melaporkan di dalam relikuari yang ditemui terdapat peripih yang mengelilingi penjuru relikuari dan juga wadah daripada tembaga yang berada di tengah-tengah relikuari ( dalamnya turut ditemui peripih) diduga mempunyai kaitan dengan upacara keagamaan.<sup>7</sup> Pemerhatian menarik adalah berhubung dengan kepingan logam dengan kesan ukiran *nandi*<sup>8</sup>, *kurma*, lambang seakan bintang atau *vahana* dan *padma* yang ditemui pada lubang tengah relikuari ( berada di bawah wadah tembaga). Secara keseluruhan berdasarkan pengamatan beliau setelah dialihkan wadah tembaga maka kepingan ukiran *nandi* akan kelihatan terlebih dahulu kecuali :

- i) relikuari bahagian barat ukiran bintang terlebih dahulu kelihatan diikuti ukiran *nandi*, *kurma* dan ukiran *padma*
- ii) relikuari bahagian barat daya ukiran bintang terlebih dahulu kelihatan dan diikuti *padma*, ukiran *kurma* dan *nandi*

Berdasarkan kepada perlambangan ukiran adalah jelas menunjukkan *nandi* merupakan *vahana* kepada Siwa, *kurma* merupakan *vahana* kepada Wisnu, *padma* merupakan perlambangan kehidupan bahkan *padma* juga merupakan di antara *laksana* yang mengiringi Wisnu

sementara bintang berunsurkan kosmologi. Ukiran yang terlihat pada kepingan di dalam relikuari juga melibatkan unsur *lingga*. Ukuran *lingga* adalah sekitar 1 3/4" hingga 1 7/8" "tinggi dan 1 1/4" "hingga 1 1/2" lebar.<sup>9</sup> *Lingga* dipahat di atas kepingan emas dan merupakan unsur perlambangan Siwa. Apa yang jelas kepingan ukiran *lingga* ini sebahagiannya dalam keadaan pecahan. Walau bagaimanapun adalah jelas jika diperhatikan bahawa *lingga* ini terdapat bahagian-bahagian tertentu yang dipisahkan antara satu sama lain untuk menunjukkan pembahagian berdasarkan kepada garis yang dibentuk secara *stylized*. Antara ciri garisan berbentuk *stylized* tersebut kemudiannya melambangkan ciri *rudra-bhaga*, *wisnu-bhaga* dan *brahma-bhaga*. Bahkan pada kepingan sebahagian *lingga* terdapat garis berkembar yang diduga kemungkinan turut digambarkan secara *stylized* untuk pemisah di antara bahagian *wisnu-bhaga* dan juga bahagian *brahma-bhaga*.




Foto 2 : Peripih *Lingga* dalam relikuari tapak 8 (Bukit Batu Pahat)

Ukiran kepingan seterusnya yang terdapat di dalam relikuari tapak 8 (Bukit Batu Pahat) adalah dewi dalam posisi duduk. Secara deskriptif dewi ini memakai *jatamahkota*, corak pakaian yang telus, memakai kalung leher, posisi duduk *padmasana*, tangan kanan memegang trisula sementara tangan kiri memegang *padma kumuda*.<sup>10</sup> Secara umum seni terapannya adalah bercirikan India Selatan. Dewi ini dapat diperlambangkan sebagai Parwati (isteri siwa). Sehubungan dengan

hal tersebut candi tapak 8 (Bukit Batu Pahat) ditujukan kepada dua unsur pemujaan iaitu berkaitan dengan unsur siwaisme termasuk pemujaan kepada *sakhti*. Lamb pula berpendapat ianya merupakan

Jadual 1 : Bekas wadah tembaga yang ditempatkan di tengah-tengah relikuari dengan isi kandungan

**Di tapak 8 (Candi Bukit Batu Pahat).**

<p>1. BAHAGIAN TIMUR</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mutiara kecil</li> <li>- Serpihan emas</li> <li>- Kepingan mika hitam dipotong persegi</li> <li>- Blue shapphire stone</li> <li>- Tiga pecahan batu kristal</li> <li>- Pecahan kecil "Yellowish Transparent Stone"</li> <li>- Debu emas</li> </ul>	<p>2. BAHAGIAN TIMUR LAUT</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Corundum</li> <li>- Batu kristal</li> <li>- Pecahan "Yellowish Green Chrysoberyls"</li> <li>- Corundum</li> <li>- Blue sapphire stone</li> <li>- Bijian, tumbuhan dan debu emas</li> <li>- Debu emas ( melekat pada bahagian bawah )</li> </ul>
<p>3. BAHAGIAN UTARA</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mutiara kecil</li> <li>- Pecahan "Yellowish Chrysoberyls"</li> <li>- Pecahan batu kristal</li> <li>- Blue sapphire stone</li> <li>- Pink ruby</li> <li>- Pecahan "Chrysoberyls"</li> <li>- 2 pecahan ( diduga tulang atau kulit kekerang )</li> <li>- Debu emas ( melekat pada bahagian dasar )</li> </ul>	<p>4. BAHAGIAN BARAT</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Blue sapphire stone</li> <li>- Pecahan "Yellowish Green Chrysoberyls"</li> <li>- Kepingan emas dengan lubang</li> <li>- Empat serpihan emas</li> <li>- Kepingan/gulungan emas</li> <li>- Sejumlah bijian</li> <li>- Pink ruby</li> <li>- Debu emas, kepingan emas putih dan perak ( melekat pada bahagian dasar )</li> </ul>

Bersambung halaman sebelah ...

5. BAHAGIAN BARAT DAYA
- Sedikit kepingan emas
  - Sedikit kristal hitam
  - Blue sapphire
  - Pecahan kristal (biru tua)

Sumber : Alastair Lamb, *Chandi Bukit Batu Pahat, A Report on The Excavation an Ancient Temple in Kedah*, hlm. 79-81.

perlambangan kepada unsur *tantrik*.<sup>11</sup> Walau bagaimanapun dari sudut perimbangan agak sukar untuk dilihat kewajarannya di mana unsur kepada siwa dan Hinduism ( termasuk unsur *trimurti* dan *sakhti* ) lebih menonjol berbanding dengan unsur Buddha ( hanya diwakili oleh ukiran dewi).

Jadual 2 : Artifak pada lapan lubang di dalam relikuari tapak 8 (candi Bukit Batu Pahat)

1. BAHAGIAN TIMUR	2. BAHAGIAN TIMUR LAUT
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kepingan slag " Reddish Black"</li> <li>- Dua persegi empat mika hitam</li> <li>- Kepingan empat segi mika</li> <li>- Chrysoberyl " kuning kehijauan"</li> <li>- Pecahan brucite</li> <li>- Mika dan arang</li> <li>- Debu emas</li> <li>- Mineral laterit ( pink ruby )</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kepingan vivianite</li> <li>- Pecahan batu kristal</li> <li>- Tiada artifak ( dalam lubang )</li> <li>- Empat segi mika, chrysoberyl " kuning kehijauan"</li> <li>- Tiada artifak ( dalam lubang )</li> <li>- Tiada artifak ( dalam lubang )</li> <li>- Tiada artifak ( dalam lubang )</li> <li>- Tiada artifak ( dalam lubang )</li> </ul>
3. BAHAGIAN UTARA	
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dua keping viviate, permata kecil, corundum dan pecahan tembaga sulphide</li> <li>- Pecahan batu kristal, mika empat segi dan pecahan tembaga</li> <li>- Dua empat segi mika dan pecahan tembaga sulphide</li> </ul>	

Bersambung halaman sebelah....



- Dua empat segi mika, pecahan tembaga sulphide dan chrysoberyl "kuning kehijauan"
- Kesan arang
- Kesan arang kayu
- Tembaga sulphide
- Blue sapphire stone dan mineral laterit

4. BAHAGIAN BARAT LAUT	5. BAHAGIAN BARAT
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Corundum</li> <li>- Pecahan batu kristal dan viviante</li> <li>- Empat segi mika</li> <li>- Chrysoberyl "kuning kehijauan"</li> <li>- Tiada artifak ( dalam lubang )</li> <li>- Sedikit kesan arang</li> <li>- Tiada artifak ( dalam lubang )</li> <li>- Corundum dan mineral laterit</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kepingan viviante</li> <li>- Pecahan batu kristal dan mika</li> <li>- Tiga segi mika</li> <li>- Chrysoberyl "kuning kehijauan"</li> <li>- Tembaga murni</li> <li>- Sedikit kesan arang</li> <li>- Sedikit kesan arang</li> <li>- Mineral laterit, pecahan pyrite dan tembaga sulphide</li> </ul>

6. BAHAGIAN BARAT DAYA
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pecahan viviante dan corundum</li> <li>- Pecahan batu kristal</li> <li>- Tiga keping mika</li> <li>- Chrysoberyl "kuning kehijauan"</li> <li>- Tiada artifak ( dalam lubang )</li> <li>- Kesan arang</li> <li>- Tembaga sulphide</li> <li>- Mineral laterit, blue sapphire stone dan tembaga sulphide</li> </ul>

Sumber : Alastair Lamb, *Chandi Bukit Batu Pahat, A Report on The Excavation of an Ancient Temple in Kedah*, hlm. 81-83.



Jadual 3 : Artifak di dalam lubang tengah relikuari tapak 8 (Candi Bukit Batu Pahat)

<p>1. BAHAGIAN TIMUR</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Corundum</li> <li>- Debu emas</li> <li>- Tembaga sulphide</li> <li>- Kepingan perak berbentuk lembu</li> <li>- Kepingan perak berlorek lima bintang</li> <li>- Kepingan tembaga berbentuk kura-kura</li> <li>- Kepingan tembaga berukir bunga teratai</li> <li>- Kepingan emas berbentuk lingga</li> <li>- Kepingan emas berbentuk separuh bulat</li> <li>- Kepingan emas arca dewi berkeadaan duduk</li> </ul>	<p>2. BAHAGIAN TIMUR LAUT</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Corundum</li> <li>- Empat segi mika</li> <li>- Kepingan perak berbentuk lembu</li> <li>- Kepingan perak berbentuk binatang</li> <li>- Kepingan tembaga berbentuk kura-kura</li> <li>- Kepingan tembaga berukir bunga teratai</li> <li>- Kepingan emas berbentuk bulatan</li> <li>- Kepingan emas berbentuk lingga</li> <li>- Kepingan emas arca dewi berkeadaan duduk</li> </ul>
<p>3. BAHAGIAN UTARA</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kepingan perak berbentuk lembu</li> <li>- Kepingan perak berlorek bintang</li> <li>- Kepingan tembaga berbentuk kura-kura</li> <li>- Kepingan tembaga berukir berantai</li> <li>- Kepingan emas separuh bulat</li> <li>- Kepingan emas bentuk lingga</li> <li>- Kepingan emas arca dewi berkeadaan duduk</li> </ul>	<p>4. BAHAGIAN BARAT LAUT</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Corundum</li> <li>- kepingan perak bentuk lembu</li> <li>- Kepingan perak lorek bintang</li> <li>- Kepingan tembaga bentuk kura-kura</li> <li>- Kepingan tembaga bentuk teratai</li> <li>- Kepingan emas bentuk lingga</li> <li>- Kepingan emas separuh bulat</li> <li>- Kepingan emas arca dewi berkeadaan duduk</li> </ul>

Bersambung halaman sebelah...

5. BAHAGIAN BARAT	6. BAHAGIAN BARAT DAYA
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Corundum</li> <li>- Debu emas</li> <li>- Tembaga sulphide</li> <li>- Bijian</li> <li>- Kepingan perak lorek binatang</li> <li>- Kepingan perak bentuk lembu</li> <li>- Kepingan tembaga bentuk kura-kura</li> <li>- Kepingan bunga teratai</li> <li>- Kepingan emas bentuk lingga</li> <li>- Kepingan emas separuh bulat</li> <li>- Kepingan emas arca dewi berkeadaan duduk</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Corundum</li> <li>- Gumpalan alloy emas-perak</li> <li>- Kepingan perak berbentuk lembu</li> <li>- Kepingan perak lorek binatang</li> <li>- Kepingan tembaga teratai</li> <li>- Kepingan tembaga bentuk kura-kura</li> <li>- Kepingan emas bentuk lingga</li> <li>- Kepingan emas separuh bulat</li> <li>- Kepingan emas arca dewi berkeadaan duduk</li> </ul>

Sumber: Alastair Lamb, *Chandi Bukit Batu Pahat, A Report on The Excavation of an Ancient Temple in Kedah*, hlm. 83-85.



Foto 3 : Peripih berbentuk *nandi* tapak 8 (Bukit Batu Pahat)



Foto 4 : Peripih Dewi dengan *padma* tapak 8 (Bukit Batu Pahat)

### Reliquari Tapak 19 ( Kampung Pengkalan Bujang )




Foto 5 : Reliquari tapak 19 ( Kampung Pengkalan Bujang )

Relikuari tapak 19 ( Kampung Pengkalan Bujang ) agak menarik berbanding relikuari lainnya yang pernah ditemui di Lembah Bujang. Relikuari ini bersaiz besar dengan ukuran ketinggian 30.5 cm dan lebar 58.5 cm. Ianya diperbuat daripada batu granit dan patah sebahagiannya. Walau bagaimanapun berdasarkan kepada kesan pahatan lubang diduga relikuari ini mempunyai sembilan lubang dengan lubang utama di bahagian tengah. Secara deskriptif relikuari ini mempunyai ukiran pada bahagian luar yang hampir menyamai pola struktur bahagian candi. Bahagian tengah daripada relikuari ini seakan terdapat hiasan yang memisahkan di antara bahagian kaki dan badan candi ( digambarkan dengan kesan pahatan tiga garis ke dalam dan bertingkat antara satu sama lain ).<sup>12</sup>

Berdasarkan kepada laporan awal relikuari ini telah ditemui pada bahagian anjung candi tapak 19 Kampung Pengkalan Bujang dan diduga berada dalam keadaan tidak *in-situ*. Gambaran awal ini jelas menunjukkan kegiatan galicari liar telah lama dilakukan oleh pihak-pihak tertentu sebelum Quaritch Wales melakukan penelitian menyeluruh pada tahun 1936-1937. Bahkan tiada laporan disertakan berkaitan dengan artifak yang dapat dihubungkan sebagai peripih untuk dikaitkan dengan peranan relikuari tersebut.<sup>13</sup>

#### Relikuari Tapak 17 ( Bukit Pendiat )




Foto 6 : Relikuari tapak 17 ( Bukit Pendiat )

Di tapak ini sejumlah 8 relikuari dari wadah tanah liat telah dilaporkan ditemui sewaktu kerja penyelidikan dan galian arkeologi dilakukan oleh pihak Jabatan Muzium dan Antikuiti pada tahun 1970-an. Berdasarkan kepada laporan kesemua relikuari ini ditemui mengelilingi penjuru bahagian luar candi tapak 17 yang mempunyai struktur persegi lapan (*octogonal*). Relikuari wadah tanah liat ini pada bahagian badannya mempunyai pola hias tempelan bergaris dan bersaiz besar.<sup>14</sup> Tiada sebarang temuan artifak atau peripih yang berhubungan dengan relikuari wadah tanah liat ini dilaporkan sepanjang proses penyelidikan dan galian arkeologi dilaksanakan.<sup>15</sup> Berdasarkan kepada kedudukan relikuari wadah tanah liat yang mengelilingi bahagian penjuru candi jelas menunjukkan ciri perlambangan unsur *astadikpalaka* iaitu dewa penjaga lapan arah mata angin.<sup>16</sup> Relikuari ini sebahagiannya telah pecah (material buatannya tidak tahan). Sebahagian daripada pecahan relikuari ini telah dapat disambung/cantum kembali dan sekarang dipamerkan kepada umum di Muzium Arkeologi Lembah Bujang di dalam *showcase* tapak 17 (Bukit Pendiati).

#### Relikuari Tapak 16 ( Kampung Pendiati )




Foto 7 : Relikuari tapak 16 ( Kampung Pendiati )

Di tapak ini telah ditemui relikuari yang diperbuat daripada wadah tembaga yang berbentuk bujur dan melebar lengkap dengan penutup. Di dalam relikuari ini terdapat peripih yang diperbuat dari kepingan perak, kepingan emas dan artifak berharga. Di dalam relikuari ini juga terdapat mangkuk kecil dari emas dengan kesan mutiara kecil dan

kesan alloy emas-perak. Pada bahagian atas mangkuk ini terdapat kepingan emas dengan bunga teratai sementara pada bahagian hadapannya terdapat model tiga *vahana* berbentuk *singha*, *nandi* dan kuda diperbuat dari emas, perak dan tembaga. Setiap *vahana* ini jelas melambangkan kaitannya dengan unsur-unsur kedewaan.<sup>17</sup>




Foto 8 : Peripih dalam relikuari tapak 16 ( Kampung Pendiati )

Kategori peripih seterusnya di dalam relikuari tapak 16 (Kampung Pendiati) terdiri daripada unsur senjata yang berbentuk *dhanus*, dua *bana*, pedang, pisau belati, jerat, lembing, gendang dan kepingan persegi empat sebagai perlambangan buku. Peripih ini diperbuat daripada emas. Peripih lainnya terdiri dari loceng dan bajak yang diperbuat dari perak.<sup>18</sup> Kategori ketiga adalah terdiri dari peripih seperti batu permata, *zircon*, *amethyst*, *sapphire*, mutiara, *octahedrons*, aloi emas / perak dan manik. Berdasarkan kepada penjenisan peripih yang telah ditemui di dalam relikuari berkenaan, Quaritch Wales berpendapat ianya merujuk kepada pemujaan aliran *tantrik* ajaran Bodhisattva.<sup>19</sup> Walau bagaimanapun ciri perlambangan terhadap unsur peripih berkenaan perlu dilihat secara terperinci bagi memastikan peranannya terhadap konsep pembuatan, tujuan serta maksud diwujudkan perlambangan bagi menghubungkannya dengan ikonografi. Jika diamati jelas menunjukkan ukiran pada kepingan emas / perak peripih mempunyai hubungan dengan ikonografi *sakhti* (Durga).

“ Menurut naskah *Devi Mahatnya*...diceritakan para dewa pada suatu ketika dikalahkan oleh para asura dibawah pimpinan raksasa Mahisasura. Para dewa memohon pertolongan dewa siwa dan dewa Mahisasura. Para dewa memohon pertolongan dewa siwa dan dewa wisnu... akhirnya mengumpul dan membentuk tubuh seorang wanita yang sangat cantik. Siwa memberikan trisulanya, wisnu memberikan cakra, varuna memberikan sebuah sangkha dan paca, Agni memberikan tombak, Maruta memberikan busur dan anak panah Indra memberikan vajra dan gantha dari gajahnya yang bernama Airawata, Yama memberikan kamandhalu,... Visnakarma memberi kapak...bermacam Senjata. Haimavat memberikan seekor singa sebagai vahana, Kuwera memberikan mangkuk yang penuh dengan anggur...”<sup>20</sup>

Peripih dengan ukiran vahana singa merupakan perlambangan pemberian Haimavat kepada dewi Durga. Singa ini juga berperanan membantu Durga membunuh Mahisa dengan mencakar bahagian belakangnya ( sementara pada mulut Mahisa kelihatan asura yang menjelmakan dirinya ),<sup>21</sup> dua buah peripih dengan bentuk damaru sebenarnya lebih kepada unsur kamandhalu pemberian Yama dan Kuwera.<sup>22</sup> Sementara peripih berbentuk padma kumuda<sup>23</sup> melambangkan kosmik dan kewujudan semulajadi. Hal ini dapat dirujuk kepada penciptaan Durga oleh Siwa dan juga Wisnu.

“*Lotus is also the cosmic mind and of centre of energy in the individual*”<sup>24</sup>

Peripih yang diduga sebagai buku oleh Quaritch Wales, difikirkan merupakan perlambangan lautan susu yang diukir secara stylized atau pun sebagai baju yang tidak dapat ditembusi oleh sebarang senjata.<sup>25</sup> Kategori kedua peripih yang terdapat di dalam relikuari tapak 16 Kampung Pendi adalah unsur senjata. Di antaranya ukiran peripih sebagai struk<sup>26</sup> yang dapat diertikan sebagai perlambangan dewi yang melakukan pengorbanan dan masih mempunyai perkaitan dengan kejayaan Durga mengalahkan asura. Senjata berunsur dhanus dan bana<sup>27</sup> merupakan perlambangan pemberian Maruta. Gulungan yang dianggap sebagai noose oleh Quaritch Wales kemungkinan merupakan unsur untuk pasa<sup>28</sup> yang merupakan peralatan dari Varuna ataupun sebagai



*vajra* yang telah diberikan oleh dewa Indra. Sementara peripih yang berbentuk seperti pisau belati<sup>29</sup> dapat dianggap sebagai perlambangan senjata pelbagai yang telah di berikan oleh Visvakarma di samping peripih secara *stylized* untuk kapak.<sup>30</sup> Peripih pedang<sup>31</sup> jelas kelihatan dan ianya merupakan senjata pemberian Kala. Pedang ini jelas kelihatan pada arca Durga yang digunakan untuk memenggal leher *Mahisa*. Sementara peripih berbentuk bulat dan panjang sebagai perlambangan *muruli* atau *venu* yang digunakan oleh Durga.<sup>32</sup> Pada sebahagian sarjana terdapat satu bentuk peripih yang dianggap sebagai *ploughshare*<sup>33</sup> tetapi berdasarkan kepada bentuk dan cara penghasilannya lebih mirip kepada bentuk kapak dan bentuk ini mengalami proses yang bersifat *stylized*.<sup>34</sup> Peripih yang berbentuk kapak ini merupakan senjata yang telah disumbangkan oleh dewa Visvakarma.




Foto 9 : Peripih dalam relikuari tapak 16 ( Kampung Pendiati )

### Relikuari dan bentuk-bentuk khususnya di Lembah Bujang

Berdasarkan kepada bentuk-bentuk relikuari yang terdapat di Lembah Bujang, jelas ianya dapat dibahagikan berdasarkan kepada saiz, bentuk dan pola pahatan. Dari segi saiz relikuari di Lembah Bujang mempunyai tiga saiz utama iaitu, bersaiz besar seperti yang ditemui di tapak 19 (Kampung Pengkalan Bujang), sederhana seperti yang ditemui di tapak 8 (Bukit Batu Pahat) dan tapak 17 (Bukit Pendiati) dan kecil seperti yang ditemui di tapak 16 (Kampung Pendiati). Dari aspek bentuknya pula, relikuari di Lembah Bujang dapat dibahagikan kepada empat, iaitu pertama berbentuk persegi empat berpenutup ditemui di tapak 8 (Bukit Batu Pahat), berbentuk persegi empat tanpa penutup di tapak



19 (Kampung Pengkalan Bujang), berbentuk wadah tanah liat tanpa penutup di tapak 17 (Bukit Pendiati) dan berbentuk *oval* di tapak 16 (Kampung Pendiati).

Sementara dari aspek pola pahatannya pula dapat dibahagikan kepada dua iaitu berpola hias seperti yang terdapat pada relikuari tapak 19 (Kampung Pengkalan Bujang) dan tapak 17 (Bukit Pendiati). Pola pahatan ini pula dapat dipisahkan lagi kepada tiga iaitu, yang mempunyai corak hiasan tempelan seperti relikuari tapak 17 (Kampung Pendiati) dan yang dipahat menonjol sekeliling relikuari hingga berperanan sebagai corak bahagian kaki dan badan candi seperti yang terdapat pada relikuari di tapak 19 (Kampung Pengkalan Bujang). Apa yang menarik pahatan yang dihasilkan terhadap relikuari tapak 8 (Bukit Batu Pahat) dan di tapak 19 (Kampung Pengkalan Bujang) menunjukkan ciri penghalusan telah dilakukan kemudiannya sehingga tiada terdapat kesan kasar pada setiap bahagiannya. Sementara corak tempelan yang terdapat pada relikuari tapak 17 (Bukit Pendiati) menunjukkan ciri ianya ditempel dengan corak yang mempunyai hiasan sebelum relikuari berbentuk seperti wadah tanah liat ini kering. Relikuari berbentuk seperti wadah tanah liat ini juga berdasarkan kepada bahagian bibirnya yang berbentuk dua lapisan dan bahagian badan yang halus menunjukkan ciri pembuatan dengan menggunakan roda putar. Ketiga adalah relikuari yang dibentuk dengan menggunakan

Jadual 4 : bentuk-bentuk relikuari di Lembah Bujang.

Tapak	Saiz	Bentuk	Pola Pahatan
1. Tapak 8 (Bukit Batu Pahat)	Sederhana	Persegi empat	Penghalusan
2. Tapak 17 (Bukit Pendiati)	Sederhana	Wadah Tanah Liat	Corak tempelan
3. Tapak 19 (Kampung Pengkalan Bujang)	Besar	Persegi empat	Pahatan candi
4. Tapak 16 (Kampung Pendiati)	Kecil	<i>Oval</i>	Acuan dan Penghalusan

acuan seperti yang terdapat pada relikuari tapak 16 (Kampung Pendiati). Penggunaan acuan ini jelas terutama dilihat pada bahagian telinganya yang terdapat sambungan dengan bahagian penutup tiada mempunyai tempelan sambungan. Bahkan material daripada tembaga juga memperkuat cara relikuari ini dihasilkan.

Kaitan antara temuan relikuari, peripih dengan candi di Lembah Bujang secara umum jelas menunjukkan temuan relikuari yang ditemui berdasarkan kepada laporan penyelidikan arkeologi berada di penjuru bangunan candi dan tiada secara khusus berada di dalam bahagian tengah candi terutama pada halaman *vimana*. Sementara peripih yang ditemui pula dapat dibahagikan kepada 3 iaitu yang berkaitan dengan batu berharga, kepingan emas-perak dan kepingan tembaga. Berhubung penggambaran bentuk peripih dapat dibahagikan lagi kepada 5 iaitu berbentuk *lingga*, berbentuk *vahana*, berbentuk *senjata*, berbentuk *padma* (teratai) dan arca dewi. Berdasarkan kepada pengamatan peripih yang dijumpai pada halaman candi di Lembah Bujang adalah jelas menunjukkan cirinya yang mendekati kepada unsur/berperanan sebagai candi dan bukannya untuk tujuan pemakaman. Material emas-perak dan unsur logam lainnya dapat dikaitkan dengan zat kedewaan yang bergabung dengan pendirian sesebuah bangunan candi di Lembah Bujang. Peripih yang ditemui terutama pada candi tapak 8 (Bukit Batu Pahat) dan candi tapak 16 (Kampung Pendiati) jelas menunjukkan unsur yang membolehkan candi berkenaan dihidupkan bersama-sama dengan relikuari dan dianggap sebagai pelindung kepada bangunan candi itu sendiri.<sup>35</sup> Sungguhpun demikian ini tidak bermakna pada candi lain di Lembah Bujang yang tiada ditemui relikuari dan peripih tidak mempunyai unsur penghidupan terhadap sesebuah bangunan candi itu. Sebagai contoh relikuari yang ditemui pada tapak 19 (Kampung Pengkalan Bujang), ianya ditemui di luar candi dan dalam keadaan pecahan, keadaan ini menunjukkan pada awal pelaksanaannya relikuari ini diduga mengandungi peripih yang menjadi intipati kepada kewujudannya dan kehilangan kandungan peripih kemungkinan disebabkan kegiatan yang tidak bertanggungjawab oleh pihak-pihak tertentu melalui proses penggalian liar yang bertujuan untuk mencari peninggalan artifak yang mempunyai nilai.

Peranan relikuari dan peripih di Lembah Bujang sebagai unsur berkaitan dengan keagamaan dan bertujuan untuk menghidupkan penggunaan sesebuah candi dapat dilihat berdasarkan temuan wadah relikuari tapak 17 (Bukit Pendiati). Adalah jelas temuan lapan wadah relikuari daripada tanah liat mengelilingi bangunan candi berperanan sebagai *astadikpalaka* yang menjaga lapan arah mata angin. Walaupun tidak ditemui sebarang peripih di dalamnya kemungkinan pada suatu ketika dahulu sewaktu awal pelaksanaannya mempunyai peripih jika dihubungkan dengan peranan relikuari dan hubungannya dengan tujuan pendirian sesebuah candi. Suatu hal yang amat menarik mengenai candi tapak ini adalah kedudukannya yang berada di atas puncak Bukit Pendiati sehingga kaitan lokasi dan kedudukan relikuari dikaitkan dengan mata angin dan disejajarkan dengan kedudukan sekitarnya yang lebih rendah.

Berdasarkan kepada peripih yang lengkap di tapak 8 (candi Bukit Batu Pahat) dan juga di tapak 16 (Kampung Pendiati) dapat diduga berhubung peranannya dengan candi yang didirikan. Sebagai contoh pada huraian peripih tapak 8 sebelumnya jelas menunjukkan unsur yang berkaitan dengan unsur *siwaism / sakhti*. Ianya dapat dilihat berkaitan dengan bentuk *lingga, nandi, kurma* (kura-kura), arca dewi yang diduga sebagai Parwati atau Durga (gambaran kepada isteri Siwa). Begitu juga dengan peripih yang telah ditemui pada tapak 16 yang mempunyai unsur *vahana*, senjata dan batuan berharga mempunyai hubungan dengan naskah *Devi Mahatnya* sehingga kemungkinan candi ini mempunyai kaitan dengan pemujaan Hinduism dan berunsurkan kepada *siwaism / sakhti*. Walau bagaimanapun ini tidak bermakna anutan candi lain di Lembah Bujang yang tiada relikuari peripihnya tidak dapat dikenal pasti akan alirannya, peranannya masih dapat dikesan dengan melihat kepada peninggalan arca yang ditemui dan kaitannya dengan candi berkaitan. Sebagai contoh di tapak 21/22 (Kampung Pengkalan Bujang), anutan aliran candi ini dapat dikesan berdasarkan kepada temuan arca Buddha.<sup>36</sup> Sementara tapak 50 (Kampung Bendang Dalam)

anutan aliran candinya dapat dikesan berdasarkan temuan objek kecil yang diduga berperanan sebagai *lingga* dalam bentuk *stylized*.

### Material relikuari, peripih dan kaitannya dengan material candi Lembah Bujang

Jika diperhatikan kepada material yang digunakan untuk menghasilkan relikuari, peripih terdapat perbezaan yang jelas jika dibandingkan dengan material yang digunakan dalam membina candinya. Sehubungan itu perbezaan ini dapat pula dilihat berdasarkan kepada pentarikan relatif yang berkaitan dengan candi itu sendiri. Seperti yang telah dibincangkan sebelumnya relikuari di tapak 8 dibuat daripada bahan granit sementara peripihnya terdiri daripada kepingan logam dan binaan candinya pula diberi pentarikan sekitar abad 12-13 Masihi. Relikuari tapak 19 pula dibuat daripada bahan batuan granit, tiada ditemui sebarang artifak sementara binaan candinya pula diperbuat daripada




Foto 10 : Candi tapak 8  
( Bukit Batu Pahat )




Foto 11 : Candi tapak 19  
( Kampung Pengkalan Bujang )



Foto 12 : Candi tapak 16  
( Kampung Pendiati )



Foto 13 : Candi tapak 17  
( Bukit Pendiati )

batu-bata dan pentarikannya adalah sekitar abad 12-13 Masihi. Relikuari tapak 16 pula diperbuat daripada material logam, peripihnya juga diperbuat daripada logam sementara binaan candinya pula diperbuat daripada laterit dan pentarikannya pula diperkirakan sekitar abad 11 M. Relikuari tapak 17 pula diperbuat daripada tanah liat dan tiada sebarang peripih yang ditemui sementara pentarikan candinya pula diperkirakan sekitar abad 12-13 M.

Sehubungan itu jelas menunjukkan bahawa terdapat kepelbagaian dari segi penguasaan material yang digunakan terhadap konsep relikuari, peripih dan kaitannya dengan perkembangan candi di Lembah Bujang. Di sini kita dapat membahagikan berdasarkan kepada temuan keempat-empat tapak yang ditemui relikuari di Lembah Bujang kepada dua jangka masa iaitu abad 11 Masihi merujuk kepada candi tapak 16 dan abad 12-13 Masihi merujuk kepada candi tapak 8, 19 dan 17. Ciri yang lebih khusus pula dapat kita jelaskan seperti berikut : pertama, kewujudan relikuari dan peripih dan hubungannya dengan percandian di Lembah Bujang mula dikenali pada permulaan abad ke 11 Masihi. Kedua, candi yang terdapat relikuari dan peripih hanya melibatkan candi yang mempunyai unsur Hindu. Ketiga, majoriti candi yang mempunyai relikuari yang peripih terdapat pada candi yang mempunyai

Jadual 5 : Relikuari, peripih dan kaitannya dengan candi di Lembah Bujang.

Tapak Candi	Material	Abad	Relikuari	Peripih
1. Tapak 16 (Kampung Pendiati)	Laterit	11 Masihi	Tembaga	Logam
2. Tapak 8 (Bukit Batu Pahat)	Batu Sungai	12-13 Masihi	Granit	Logam
3. Tapak 19 (Kampung Pengkalan Bujang)	Batu-bata	12-13 Masihi	Granit	Tiada
4. Tapak 17 (Bukit Pendiati)	Batu-bata	12-13 Masihi	Tanah liat	Tiada



kawasan *vimana* dan *mandapa* yang saling bersambung di antara satu sama lain, kecuali candi yang terdapat pada tapak 16 yang jelas menunjukkan ciri pemisahan antara kedua-dua halaman ini.

Berdasarkan kepada jumlah relikuari yang dijumpai juga dapat dikaitkan dengan perletakkan sesebuah candi itu. Dalam hal ini ianya dapat dibahagikan kepada dua iaitu pertama relikuari yang berjumlah 8 akan ditemui pada candi yang berada di tanah yang agak tinggi (berbukit). Contohnya di tapak 8 (Bukit Batu Pahat) dan di tapak 17 (Bukit Pendiati), sementara relikuari dalam jumlah tunggal ditemui pada candi di tanah rendah dan berhampiran dengan sungai, contohnya di tapak 16 (Kampung Pendiati) dan tapak 19 (Kampung Pengkalan Bujang).<sup>37</sup> Kedua-dua lokasi terakhir ini berhampiran pula dengan Sungai Bujang. Candi yang berkedudukan lebih tinggi dengan jumlah relikuari berjumlah 8 dapat dianggap sebagai kosmos dan merupakan pusat perlambangan kepada Gunung Mahameru serta mempunyai kekuatan sebagai *dikpalaka* atau *astadikpalaka* sehingga ianya berperanan sebagai menguasai alam dengan dijagai oleh dewa penjaga setiap mata angin.

### Kesimpulan

Berdasarkan kepada peranan relikuari dan peripih yang telah ditemui di Lembah Bujang menunjukkan ciri yang hampir sama dengan candi zaman Klasik yang wujud di Asia Tenggara seperti yang ditemui di Indonesia dan Thailand, di mana ianya memainkan peranan penting dan sebagai asas dalam pendirian sesebuah candi. Sehubungan itu ianya turut dikaitkan dengan peranan candi sebagai tempat pemakaman dan juga keagamaan dengan berdasarkan kepada ciri-ciri relikuari yang dikaitkan dengan peripih di dalamnya. Walau bagaimanapun bukti tersebut sebenarnya masih kabur kerana berasaskan kepada temuan relikuari tidak terdapat pada keseluruhan candi pada zaman klasik melainkan pada candi yang dapat dianggap sebagai candi induk sahaja dan sebagai contohnya di Candi Prambanan atau Loro Jonggrang sebagai perlambangan dinasti Sailendra di Jawa turut ditemui relikuari. Sehubungan itu asas untuk tujuan sama ada sesebuah candi itu digunakan sebagai asas keagamaan dan pemakaman masih dapat dilihat

berasaskan kepada seni arca yang mengiringi pembinaan sesebuah candi tersebut seperti terdapat di Angkor dan Kepulauan Jawa di mana diwujudkan pula arca berkonsepkan dewa raja yang ditujukan khususnya kepada raja Jayawarman II dan juga Raja Airlangga.

Untuk kes di Lembah Bujang pula ianya jelas menunjukkan relikuari yang terdapat hanya pada empat buah candi sahaja, jelas menunjukkan pengenalannya agak lewat di mana hanya terdapat pada candi yang berusia sekitar 11 Masihi ke atas di samping saiz, bentuk dan pola pahatannya yang pelbagai. Sehubungan itu candi di Lembah Bujang yang mempunyai relikuari tersebut dapat dianggap sebagai bukti antara candi-candi utama di Lembah Bujang berbanding dengan candi lainnya dan berasaskan kepada peripihnya jelas menunjukkan candi di Lembah Bujang sememangnya digunakan untuk tujuan keagamaan dan bukannya untuk tujuan pemakaman. Bahkan peninggalan relikuari dan peripih yang ditemui di Lembah Bujang setakat ini hanya menjurus kepada candi yang mempunyai unsur Hinduism sahaja.

Sehubungan peninggalan relikuari dan juga peripih di Lembah Bujang yang dapat dikategorikan sebagai data artifak arkeologi khususnya pada zaman Klasik sedikit sebanyak meninggalkan kesan bahawa perkembangan dan pengenalannya mempunyai kaitan dengan keunikan dalam keagamaan, struktur binaan candi, cara perletakannya, simbol dan juga pahatan peripih yang menggambarkan unsur-unsur pahatan secara *stylized* selain peripih yang jelas kesan pahatannya. Kajian terhadap relikuari dan peripih ini jika dikembangkan akan dapat menyumbang kepada perkembangan konsep anutan keagamaan yang berkembang di Lembah Bujang sekitar abad 5-14 M dan juga akan dapat menjawab peranannya dalam pembinaan candi yang tertebaran di Lembah Bujang.



## Nota

- <sup>1</sup> Perkataan relikuari telah dimelayukan daripada perkataan bahasa Inggeris "reliquary".
- <sup>2</sup> Joyce M. Hawkins, *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*, Selangor: The Commercial Press Sdn. Bhd, 1981, hlm. 290. Relikuari juga bermaksud "Kotak (atau lain-lain bekas) untuk menyimpan benda-benda peninggalan atau tulang orang yang telah mati", lihat Khalid M. Hussain (ed.), *Kamus Dwibahasa*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997, hlm. 1032.
- <sup>3</sup> Soekmono, *Pengantar Sejarah Kebudayaan Indonesia II*, Yogyakarta : Penerbitan Kanisius, 1973, hlm. 80-83 dan lihat foto 191 Djauhari Sumintardja, *Kompendium Sejarah Arsitektur* (Jilid I), Bandung : Yayasan Lembaga Penyelidikan Masalah Bangunan, 1981, hlm. 90.
- <sup>4</sup> J.F. van Lohuizen-de Leeuw, *Studies in South Asian Culture*, Leiden : E.J. Brill, 1976, hlm. 91 dan lihat R. Soekmono, "Sekali lagi : Masalah Pripih" dalam *Pertemuan Ilmiah Arkeologi V, Yogyakarta 4-7 Juli 1989* ( *Studi Regional, Kajian Arkeologi Indonesia, Metode dan Teori* ) Ikatan Ahli Arkeologi Indonesia, 1989, hlm. 217-226.
- <sup>5</sup> H.G Quaritch-Wales, "Archaeological Researches on Indian Ancient Colonization in Malaya" *JMBRAS*, vol. XVIII, 1940, hlm. 18-20.
- <sup>6</sup> *Ibid.*, hlm. 20 dan lihat Alastair Lamb, *Chandi Bukit Batu Pahat, a Report on the Excavation of An Ancient Temple in Kedah*, Singapore : Eastern Universities Press Ltd, 1960, hlm. 76.
- <sup>7</sup> Lihat jadual 1, 2 dan 3 di halaman 7-11 .
- <sup>8</sup> Lihat foto 3.
- <sup>9</sup> Alastair Lamb, *Chandi Bukit Batu Pahat*, hlm. 87.
- <sup>10</sup> Dalam ikonografi *padma kumuda* merujuk kepada teratai yang berkembang penuh dan berwarna putih, sementara *padma utpala* merujuk kepada teratai yang menguncup dan berwarna biru dan *padma* merujuk kepada teratai sedang berkembang serta berwarna merah. Lazimnya pada pahatan yang tidak berwarna, *padma* hanya dirujuk kepada keadaan pahatan atau gambarannya sahaja Sama ada *kumuda*, *utpala* atau *padma* sahaja. Lihat foto 4.
- <sup>11</sup> Alastair Lamb, *Chandi Bukit Batu Pahat*, hlm. 88-89.
- <sup>12</sup> Lihat foto 5. Bahagian kaki candi merujuk kepada permulaan di bahagian dasar candi hingga kepada bahagian badan candi sementara bahagian badan candi pula dibatasi hingga ke bahagian atap candi. Berdasarkan kepada konsep pahatan pada relikuari di tapak 19 (Kampung Pengkalan

Bujang) ini jelas menunjukkan perkaitannya dengan candi, walaupun tiada ditemui sebarang peripih.

- <sup>13</sup> H.G Quaritch Wales, "Archaeological Researches on Indians," hlm. 40.
- <sup>14</sup> Lihat foto 6.
- <sup>15</sup> Tapak ini telah dilakukan penyelidikan dan galian arkeologi oleh Dr. Adi Hj. Taha dari Jabatan Muzium dan Antikuiti. Beliau juga bertanggungjawab di dalam merekonstruksi kembali candi di Lembah Bujang antaranya tapak 21 dan 22 (Kampung Pengkalan Bujang) sekitar tahun 1970-an.
- <sup>16</sup> *Astadikpalaka* atau dikenali juga *dikpalaka* merupakan kedudukan dewa yang menjaga lapan penjuru arah mata angin utama. Antaranya bahagian utara diwakili oleh *Kubera*, bahagian selatan oleh *Yama*, bahagian timur oleh *Indra*, bahagian barat oleh *Varuna*, bahagian barat daya oleh *Niruti*, bahagian timur laut oleh *Isana*, bahagian barat laut oleh *Vayu* dan bahagian tenggara oleh *Agni*.
- <sup>17</sup> Lihat foto 8 untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas berhubung dengan bentuk-bentuk vahana dalam relikuari tapak 16.
- <sup>18</sup> H.G Quaritch Wales, "Archaeological Researches on Indians," hlm. 36.
- <sup>19</sup> H.G Quaritch Wales, "Archaeological Researches on Indians," hlm. 35.
- <sup>20</sup> Mohd Supian Bin Sabtu, "Zaman Hindu Buddha di Lembah Bujang : Satu Penilaian Berdasarkan Data Arkeologi," Tesis M.A, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1998, hlm. 150.
- <sup>21</sup> Lihat foto 8 baris kedua (peripih 3) dari kiri ke kanan.
- <sup>22</sup> Lihat foto 8 baris pertama (peripih 3) dan baris kedua (peripih 4) dari kiri ke kanan.
- <sup>23</sup> Lihat foto 8 baris pertama (peripih 4) dari kiri ke kanan dan lihat van Lohuizen-De Leeuw, *Studies in South Asia*, hlm. 145.
- <sup>24</sup> B.C. Sinha, *Hinduism and Symbol Worship*, Delhi: B.N Printers, 1983, hlm. 157.
- <sup>25</sup> Lihat foto 8 baris pertama (peripih 2) dari kiri ke kanan.
- <sup>26</sup> Lihat foto 8 baris pertama (peripih 1) dari kiri ke kanan.
- <sup>27</sup> Lihat foto 9 baris kedua (peripih 1, 2 dan 3) dari kiri ke kanan.
- <sup>28</sup> Lihat foto 9 baris pertama (peripih 2) dari kiri ke kanan.
- <sup>29</sup> Lihat foto 9 baris kedua (peripih 5) dari kiri ke kanan.
- <sup>30</sup> Lihat foto 9 baris pertama (peripih 3) dari kiri ke kanan.
- <sup>31</sup> Lihat foto 9 baris kedua (peripih 4) dari kiri ke kanan.
- <sup>32</sup> Lihat foto 9 baris kedua (peripih 7) dari kiri ke kanan.
- <sup>33</sup> Lihat foto 9 baris pertama (peripih 3) dari kiri ke kanan.

- <sup>34</sup> “*Stylized*” merupakan cara penghasilan sesuatu artifak yang kebiasaannya merupakan unsur seni, tidak digambarkan dengan ciri-ciri yang khusus. Penghasilan jelas menunjukkan terdapat beberapa unsur yang kabur *atributnya* tetapi dapat dikenal pasti berdasarkan kajian ikonografi.
- <sup>35</sup> Peripih yang diperbuat daripada kepingan logam berharga dan juga batuan berharga mempunyai perlambangan kepada bersatunya roh para raja dengan dewa yang menjadi anutan sewaktu hidupnya. Sehubungan itu peripih dianggap sebagai mengawal candi daripada unsur-unsur roh jahat dan digunakan untuk tujuan keagamaan. Lihat Soekmono, *Pengantar Sejarah Kebudayaan.*, hlm, 81.
- <sup>36</sup> Mohd Supian Bin Sabtu, “Seni Arca Zaman Klasik Lembah Bujang : Tinjauan Berdasarkan Ikonografi”, dalam *PURBA*, Kuala Lumpur : Persatuan Muzium Malaysia, bil. 20, 2001, hlm. 1-21 dan lihat juga Mohd Supian Bin Sabtu, “Posisi Mudra Pada Sesebuah Arca Buddha” dalam *Berita JMA*, Kuala Lumpur : Jabatan Muzium dan Antikuiti, Vol. 2 / Bil. 1, 2000, hlm. 24-25.
- <sup>37</sup> Sila lihat peta 1.